



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 69

**21hb Januari 2016**

*TAMBAHAN*

No. 2

*No. 1*

---

---

**No. 22.**

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
(TERENGGANU) 1422H/2001M  
(Enakmen Terengganu Bil. 2 tahun 2001)

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 50(6)

Bahawasanya, menurut seksyen 50(6) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah perkenan supaya fatwa yang terkandung di dalam ini disiarkan dalam *Warta*.

Oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi ini di bawah seksyen 50(6) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini membuat dan mengeluarkan fatwa berikut:

Perwartaan fatwa mengenai Isu Pengaruh Fahaman Dan Ajaran Syariah di Terengganu

Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu telah bersetuju dan memutuskan bahawa:

1. Umat Islam di Negeri Terengganu hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli as-Sunnah wa al-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.
2. Fahaman dan ajaran Syariah adalah:
  - i. Bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli as-Sunnah wa al-Jamaah
  - ii. Ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara.

- iii. Suatu ajaran yang bercanggah dan menyalahi dengan ajaran Islam yang sebenar.
  - iv. Para penganutnya dikira sesat dan boleh terkeluar dari Islam.
3. Memperakukan bahawa fahaman dan ajaran Syariah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan Perundangan Islam. Fahaman ini perlu disekat keseluruhannya daripada berkembang di Negeri Terengganu. Justeru, sebarang penyebaran fahaman Syiah adalah dilarang dan ditegah sama sekali. Antara larangan dan tegahannya adalah merangkumi:
- i. Menetapkan dan menegaskan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan fahaman Syiah adalah diharamkan serta tidak dibenarkan sama sekali.
  - ii. Apa-apa jua bahan publisiti, variasi, versi bentuk dan sebaran yang menonjolkan mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman Syiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Syiah adalah bercanggah dengan akidah Ahli as-Sunnah wa al-Jamaah dan dilarang sama sekali.
  - iii. Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, pamflet, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Syiah kepada mana-mana orang.
  - iv. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syiah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman Syiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli as-Sunnah wa al-Jamaah.
  - v. Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Negeri Terengganu.

Bertarikh 24 Mac 2015

JMN.TR. (S) 610/2/3/1

Dengan Titah Perintah

DATO' HAJI MOHD ROZALI BIN SALEH  
*Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama  
Terengganu*

اینکمن فنتدبیران حال احوال اکام اسلام (ترغکانو)

1422H /2001M

( اینکمن ترغکانو بیلاغن 2 تاهون 2001 )

فمبریتاهوان فتوی دباوه سیقسین (6) 50

بهاوااساڤ، منوروت سیکشن (6) 50 اینکمن فنتدبیران حال احوال اکام اسلام (ترغکانو) 1422H/2001M دولی یغمها ملیا توانکو السلطان تله فرکنن سقای فتوی یغ ترکندوغ ددالم این دسیارکن دالم ورتا.

اولیه یغ دمکین، فد منجالنکن کواس ۲ یغ دبری دباوه سیکشن (6) 50 اینکمن فنتدبیران حال احوال اکام اسلام (ترغکانو) 1422H/2001M. جواتنکواس فتوی مجلس اکام اسلام دان عادت ملایو ترغکانو دغن این ممبوات دان مغلوارکن فتوی برایکوت:

فورتان فتوی مغناي. ایسو فقاروه فهامن دان اجاران شیعة دترغکانو

جواتنکواس فتوی نکري ترغکانو تله برستوجو دان مومتوسکن بهوا :

1. اومه اسلام دنکري ترغکانو هندقله هان مگیکوت اجاران اسلام یغ براساسکن فکاغن اهل السنة والجماعة دري سکی عقیده، شریعة دان اخلاق.

2. فهامن دان اجاران شیعة اداله :

i. برجغکه دان مپلیویغ درفد فکاغن اهل السنة والجماعة.

ii. انچامن کفد فرقادوان اومه، کأوتوهن اکام، فرقادوان بغسا دان کامانن نکارا.

iii. سوات اجاران یغ برجغکه دان مپلاهي دغن اجاران اسلام یغ سبئر.

iv. فارا فغانوتن دکیرا سست دان بولیه ترکلوار دري اسلام.

3. ممفراکوکن بهاوا فهامن دان اجاران شیعة اداله برجغکه دغن حکوم شرع دان فرأونداعن اسلام. فهامن این فرلو دسکت کسلوروهنن درفد برکمبغ دنکري ترغکانو. جوسترو، سبارغ فیپباران فهامن شیعة اداله دلارغ دان دتکه سام سکالي. انتارا لاراغن دان تکاهنن اداله مرغکومي :

- i. منتشکن دان منکسکن بهاوا فئریتین، فیباران دان فیباران اف۲ بوکو، رساله، فیلم، ویدیو دان لاین۲ برهوبوغ دغن فهامن شیعة اداله دحرامکن سرت تیدق دبنرکن سام سکالی.
- ii. اف۲ جوا باهن فوبلیسیتی، واریاسی، ورسی، بنتوق دان سیباران یغ منونجولکن مان۲ اجاران، فکاغن اتاو فهامن شیعة اتاو اف۲ اجاران، فکاغن اتاو فهامن بارو یغ ممفویای فرسمان دغن عنصر۲ اجاران، فکاغن دان فهامن شیعة اداله برچغکه دغن عقیده اهل السنة والجماعة دان دلارغ سام سکالی.
- iii. اورغ۲ اسلام اداله جوك دلارغ ممیلیکی، میمشن، منجیتق، منجوال ترماسوق مئیدرکن فیلم، رقم اودیو، رساله، بوکو۲، فمقلیت، مجله اتاو اف۲ تربیتن، رساله دان اف۲ دوکومن؛ مگکوناکن سبارغ بنتوق لمبغ، راجه اتاو تند۲۱ یغ بولیه مغانیتکن اجاران دان فهامن شیعة کفد مان۲ اورغ.
- iv. مان۲ اورغ اسلام سماد سجارا ایندیویدو اتاو برکومقولن ملالوی فرتوبوهن، فرساتوان اتاو شریکه یغ منجادی اهلی جماعه اتاو فغیکوت شیعة دغن برسلیندوغ دسبالیق اف۲ اکتیویٹی ایکنومی، فرنیاکان، فنیدیقتن، کسنیان دان سباکین یغ ممفویای عنصر۲ فرسمان دغن اجاران، فکاغن دان فهامن شیعة، اداله دصفتکن معملمکن اجاران، فکاغن دان فهامن یغ برچغکه دغن عقیده اهل السنة والجماعة.
- v. مان۲ اورغ اسلام یغ ملاکوکن فرکار۲۱ داتس اداله ملاکوکن سوات کسالن دان بولیه دامبیل تیندقن دباوه اوندغ۲ یغ برقواتکواس دنکری ترغکانو.

بر تاریخ : 24 مچ 2015

JMN.TR(S)610/2/3/1

دغن تیتہ فرینتہ



داتوء حاج روزالی بن صالح

فسوروهجای

حال احوال اکام ترغکانو

**No. 23.**

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
(TERENGGANU) 1422H/2001M  
(Enakmen Terengganu Bil. 2 tahun 2001)

## PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 50(6)

Bahawasanya, menurut seksyen 50(6) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah berkenan supaya fatwa yang terkandung di dalam ini disiarkan dalam *Warta*.

Oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi ini di bawah seksyen 50(6) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu dengan ini membuat dan mengeluarkan fatwa berikut:

Pewartaan Fatwa Mengenai “Fahaman Anti Hadis”

Bahawasanya:

1. Berdasarkan kepada kenyataan dan ucapan yang telah disampaikan oleh Kassim Ahmad dalam “*Seminar Pemikiran Kassim Ahmad : Suatu Penilaian*” yang telah diadakan pada 15 dan 16 Februari 2014, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu sebulat suara memutuskan bahawa pemikiran tersebut adalah *kufur* dan murtad.
2. Fahaman atau golongan tersebut adalah sesat, menyeleweng dan menjadi ancaman kepada ketenteraman awam serta merosakkan akidah mereka.
3. Berdasarkan kepada ucapan yang telah disampaikan oleh Kassim Ahmad itu, terdapat unsur-unsur penyelewengan dan terpesong daripada ajaran Islam sebagaimana berikut:
  - 3.1 Mempertikaikan syahadah yang kedua;
  - 3.2 Mengingkari dan mempertikaikan hadis sebagai umber hukum;
  - 3.3 Mempertikaikan hukum rambut perempuan sebagai aurat yang telah sabit dalam Al-Quran, Hadis dan Ijmak;
  - 3.4 Mempertikaikan hukum selawat yang telah sabit dalam Al-Quran, Hadis dan Ijmak;
  - 3.5 Membenarkan jenayah mertad berlaku dalam masyarakat;

Maka Jawatankuasa memutuskan bahawa orang yang terbabit dengan ucapan tersebut telah terkeluar dari Islam kerana telah mengingkari hukum Islam yang telah sabit dalam Al-Quran, Hadis dan Ijmak.

4. Sehubungan dengan itu, fahaman yang berunsurkan penolakan hadis ini perlu disekat keseluruhannya daripada berkembang. Justeru, sebarang penyebaran fahaman tersebut adalah dilarang dan ditegah sama sekali. Antara larangan dan tegahannya adalah merangkumi;

- 4.1 Menetapkan dan menegaskan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan fahaman yang berunsurkan penolakan hadis adalah diharamkan serta dibenarkan sama sekali;
- 4.2 Apa-apa jua publisiti, variasi, versi, bentuk dan sebarang yang menonjolkan mana-mana fahaman yang menolak hadis atau apa-apa fahaman yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur fahaman penolakan hadis adalah dilarang sama sekali;
- 4.3 Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, pamflet, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan fahaman anti hadis kepada mana-mana orang;
- 4.4 Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mengikuti fahaman penolakan hadis dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan fahaman penolakan hadis adalah disifatkan mengamalkan fahaman yang bercanggah dengan syariat; dan
- 4.5 Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Negeri Terengganu.

5. Oleh yang demikian, orang ramai di negeri ini hendaklah menghindarkan diri daripada terlibat dengan fahaman golongan tersebut. Fahaman tersebut wajib disekat keseluruhannya dari berkembang di dalam Negeri Terengganu berdasarkan terdapat banyak percanggahan di dalam fahaman tersebut sama ada dari sudut akidah, syariah dan akhlak.

Bertarikh 21 Disember 2015

Dengan Titah Perintah

DATO' HAJI OMAR BIN MUSA  
*Ketua Pegawai Eksekutif,  
Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu  
Terengganu*

اینکمن فنتدبیرن حال احوال اکام اسلام (ترغگانو)

1422/2001M

(اینکمن ترغگانو بیل.2 تاهون 2001)

فمیریتاهوان فتوی دباوه

سیکشن 50 (6)

بهاواساڻ، منوروت سیکشن 50(6) اینکمن فنتدبیرن حال احوال اکام اسلام (ترغگانو)  
1422/2001M دولي یغ مها مولیا توانکو السلطان تله فرکنن سوفايا فتوی یغ ترکاندوغ ددالم  
این دسیارکن دالم ورتا.

اولیه یغ دمکین، قد منجالنکن کواس-کواس یغ دبری دباوه سیکشن 50(6) اینکمن فنتدبیرن  
حال احوال اکام اسلام (ترغگانو) 1422/2001M، جاوتنکواس فتوی مجلس اکام اسلام دان  
عادت ملايو دغن این ممبوات دان مغلوارکن فتوی برایکوت :

فورتان فتوی مغنای فهمن انی حدیث

بهاواساڻ -

1. برداسرکن کفد کپاتان دان اوچشن یغ تله دسمفایکن اولیه قاسیم احمد دالم "سمینر فمیکیکن  
قاسیم احمد : سواتو فنیلین" یغ تله داداکن فد 15 هیغک 16 فیرواری 2014، مک  
جاوتنکواس فتوی نکری ترغگانو سبولت سوارا مومتوسکن بهاوا فمیکیکن ترسبوت اداله  
کفور دان مرتد.

2. فهمن اتاو کولوغن ترسبوت اداله سست، مپلیویغ دان منجادی انچمن کفد کنتنرمن عوام  
سرتا مروسقن عقیده مریک.

3. برداسرکن کفد اوچئن یغ تله دسمفایکن اولیه قاسیم احمد ایت، تردافت عنصور- عنصور

فیلویغن دان ترفیسوغ درفد اجرن اسلام سباکایمان برایکوت:

3.1 ممتریکایکن شهادة یغ کدوا;

3.2 مغيغکري دان ممتریکایکن حدیث سباکاي سومبر حکوم;

3.3 ممتریکایکن حکوم رمبوت فرمشوان سباکاي عورة یغ تله ثابت دالم القرآن، حدیث

دان اجماع;

3.4 ممتریکایکن حکوم صلوات یغ تله ثابت دالم القرآن، حدیث دان اجماع;

3.5 ممبئرکن جنایه مرتد برلاکو دالم مشارکت;

مک جاوتنکواس مموتوسکن بهاوا اورغ یغ ترابیت دغن اوچئن ترسبوت تله ترکلوار دري

إسلام کران تله مغيغکري حکوم اسلام یغ تله ثابت دالم القرآن، حدیث دان اجماع.

4. سهویوغن دغن ایت، فهمن یغ برعنصورکن فنولقن حدیث این فرلو دسکت کسلوروهنن

درفد برکمبغ. جوستزو، سبارغ فپیبارن فهمن ترسبوت اداله دلارغ دان دتکه سام سکالي.

انتارا لارغن دان تکهنن اداله مرغکومي:

4.1 منتشکن دان منکسکن بهاوا فتریتن، فپیبارن دان فپیبارن اف- اف بوکو، رساله،

فيلم، ویدیو دان لاین-لاین برهوبوغ دغن فهمن یغ برعنصورکن فنولقن حدیث اداله

دحرامکن سرتا تیدق دبرکن سام سکالي;

4.2 اف-اف جوا فوبلیسیتي، واریاسي، ورسى، بنتوق دان سیبارن یغ منونجولکن مان-

مان فهمن یغ منولق حدیث اتاو اف-اف فهمن بارو یغ ممقویاءي فرسامان دغن

عنصور-عنصور فهمن فنولقن حدیث اداله دلارغ سام سکالي;

4.3 اورغ - اورغ اسلام اداله جوک دلارغ میلیکي، مپیمفن، منجیتق، منجوال ترماسوق

مغیدرکن فیلم، رقمن اودیو، رساله، بوکو-بوکو، قمقلیت، مجله اتاو اف-اف



تريپين, رساله دان اف-اف دوکومن; مٹکوناکن سبارغ بنتوق لامبغ, راجه اتاو  
تندا-تندا يغ بوليه مغايتکن فهمن انتي حديث کفد مان-مان اورغ;

4.4 مان-مان اورغ اسلام سام اد سجارا اينديويديو اتاو برکومولن ملالوءي فرتوبوهن,  
فرساتوان اتاو شريکت يغ مٹيکوتي فهمن فنولقن حديث دغن برسليندوغ دسباليق  
اف-اف اکتیويي ايکونومي, فرنياکان, فنديديقن, کسنين دان سباکايڻ يغ ممفوي  
عنصور-عنصور فرسامان دغن فهمن فنولقن حديث اداله دصفتکن مٹعملکن فهمن  
يغ برجغکه دغن شريعة; دان

4.5 مان-مان اورغ اسلام يغ ملاکوکن فرکارا-فرکارا داتس اداله ملاکوکن  
سواتوکسالهن دان بوليه دامبيل تيندقن دباوه اوندغ-اوندغ يغ برقواتکواس دنکري  
ترغگانو.

5. اوليه يغ دمکين, اورغ راماي دنکري اين هندقله مٹهيندرکن ديري درقد ترليت دغن فهمن  
کولوغن ترسبوت. فهمن ترسبوت واجب دسکت کسلوروهنن دري برکمبغ ددالم نکري  
ترغگانو برداسرکن ترداقت بايق فرجغکهن ددالم فهمن ترسبوت سام اد دري سودوت  
عقيدة, شريعة دان اخلاق.

دغن تيته فرينته,

برتاريخ : 21 ديسيمبر 2015

(داتو حاج عمر بن موسی)

کتوا فکلواي ايکسيکوتيف

مجلس اکام اسلام دان عادت ملايو

ترغگانو

**No. 24.**

## PEMBATALAN

Warta Kerajaan Terengganu No. 1101 bertarikh 23 Oktober 2014 dan No. 1267 bertarikh 18 Disember 2014 adalah dengan ini ditarikbalik dan dibatalkan.

Bertarikh 13 Januari 2016  
[PTG.TR. 05/62/2012/B/009;  
PTK. TR. 02/62/2011/B/001]

DATO' HAJI MOHAMAD NOR BIN IBRAHIM  
*Pengarah Tanah dan Galian*  
*Terengganu*

**No. 25.**

## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

## (Seksyen 8)

## PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Membina Sistem Saliran Padang Negara, Mukim Batu Buruk, Daerah Kuala Terengganu.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletak tanah dan kawasan.

## JADUAL

## Mukim—Batu Buruk. Daerah—Kuala Terengganu.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Meter Persegi	Meter Persegi
283	2085	KANIZA BINTI YONG K/P. 710604-11-5084 -1/1 BHG.	2327	1045
285	109	MAMAT BIN MUSA K/P.3/8 BHG. SELAMA BINTI HAJI ABDUL RAHMAN K/P: -4/8 BHG . SULONG BIN SALIM KP: 2873956 -1/8 BHG.	1667	1667

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Meter Persegi	Meter Persegi
79	1797	AZAM B. ABU BAKAR KP: 7066994 -1/3 BHG. MUSA B. ABU BAKAR KP: 5020552 -1/3 BHG. ZAMILAH BT. ABU BAKAR KP: 5639692 -1/3 BHG.	2655	274
82	1799	RAKIAH BT MOHD KP: 5066650 -1/1 BHG.	2100	2100
83	1800	AZIZAH BINTI ABDUL AZIZ KP: 650619-10-6752 -1/1 BHG.	666	666
84	1801	NORSIDAH BINTI TAHAR KP: 680211-11-5062 -1/1 BHG.	996	996
60004	3412	ADNAN BIN ABDUL RAHMAN KP: 610824-03-5483 – 3/4 BHG . CHE ROSNANI BINTI AWANG KP: 630320-11-5576 – 1/4 BHG.	582	582
60005	3413	ADNAN BIN ABDUL RAHMAN KP: 610824-03-5483 – 3/4 BHG . CHE ROSNANI BINTI AWANG KP: 630320-11-5576 – 1/4 BHG.	874	597.50
169	1663	ABDUL RASHID BIN MANSOR KP:650331-11-5115 -1/1 BHG.	2655	2655
4123	2380	KELSOM BINTI SULONG KP: 361113-11-5052 -1/1 BHG.	1065	1065
JUMLAH			15,587	11,647.50

Bertarikh 13 Januari 2015  
[PTG.TR. 05/62/2012/B/009;  
PTK.TR.02/62/2011/B/001]

DATO' HAJI MOHAMAD NOR BIN IBRAHIM  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA